



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	6/12/2018

# PM teliti punca 52 digugur daripada kursus khas PTD

BH - 6/12/2018 m/s: 4

➔ Pastikan tindakan bukan disebabkan langkah penjimatan dilaksanakan kerajaan

Oleh **Khairul Azran Hussin**  
khaiazr@nstp.com.my

Shah Alam

**T**un Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan meneliti punca 52 kakitangan kerajaan yang mengikuti kursus khas pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) digugurkan daripada program itu.

Perdana Menteri berkata, ia bagi memastikan tindakan itu bukan disebabkan langkah penjimatan kos yang dilaksanakan

kerajaan ketika ini.

"Kita akan teliti perkara ini, kita tidak mahu sesiapa jadi mangsa dalam usaha kita untuk mengurangkan kos pentadbiran negara," katanya ditemui selepas merasmikan Persidangan Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Bhd (UPUS) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Pos Malaysia Bhd, Datuk Mohammad Zainal Shaari; Ketua Ketua Pegawai Eksekutif Pos Malaysia Bhd, Syed Md Najib Syed Md Noor dan Pemangku Presiden UPUS, Ahmad Tarmizi Taib.

### Tamat secara automatik

Beliau mengulas isu 52 kakitangan kerajaan yang mengikuti kursus khas PTD digugurkan daripada program itu.

NSTP sebelum ini melaporkan mereka yang ditamatkan termasuk empat pegawai kontrak yang secara automatik kehilangan pekerjaan manakala baki 48 pegawai diarahkan kembali ke jawatan lama mereka dengan segera.



ia bagi memastikan tindakan itu bukan disebabkan langkah penjimatan kos yang dilaksanakan kerajaan ketika ini. Kita akan teliti perkara ini, kita tidak mahu sesiapa jadi mangsa dalam usaha kita untuk mengurangkan kos pentadbiran negara"

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

Penamatan kontrak itu berlaku selepas Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menaikkan gred lulus daripada B kepada A- bagi program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA).

Kursus diploma selama 10 bulan itu menyebabkan sejumlah 86 peserta.

### 31 wanita, 21 lelaki

Menurut sumber, mereka yang ditamatkan dari kursus itu terdiri daripada 31 wanita dan 21 lelaki, lima daripada mereka memegang ijazah doktor falsafah (PhD) dan 20 pemegang ijazah sarjana.

Sementara itu, Pengarah INTAN, Datuk Suriani Ahmad, yang mengesahkan perkara itu berkata peserta berkenaan sudah ditamatkan dari kursus dan ia diputuskan oleh JPA.

Katanya peningkatan gred lulus bagi kursus itu diputuskan secara bersama oleh INTAN dan JPA peserta dijangka mendapat markah lebih tinggi berdasarkan pengalaman kerja tambahan.